- 1 Pilih **Menu** > **Media** > **Video** > **Video**.
- 2 Tatal ke klip video dan pilih **Pilihan** > **Hantar** > **Ke tapak Web**.
- 3 Pilih laman Web dari senarai atau pilih **Tapak Web baru** > **Tambah**.
- 4 Masukkan alamat e-mel yang digunakan untuk menghantar ke laman Web.
- 5 Masukkan alamat Web dan tajuk .
- 6 Pilih **Simpan**.
- 7 Pilih laman Web dari senarai.
- 8 Masukkan teks.
- 9 Pilih **Teruskan** > **Hantar**.

### Untuk menghantar foto atau klip video yang baru anda ambil ke laman Web

- 1 Apabila anda telah mengambil foto atau merakamkan klip video, pilih **Hantar** > **Ke tapak Web**.
- 2 Pilih laman Web dari senarai atau pilih **Tapak Web baru** > **Tambah**.
- 3 Masukkan alamat e-mel yang digunakan untuk menghantar ke laman Web.
- 4 Masukkan alamat Web dan tajuk .
- 5 Pilih **Simpan** dan pilih laman Web.
- 6 Masukkan teks.
- 7 Pilih **Teruskan** > **Hantar**.

### Untuk pergi ke alamat Web dari kenalan

- 1 Pilih **Menu** > **Kenalan**.
- 2 Tatal ke kenalan dan pilih **Buka**.
- 3 Tatal ke alamat Web dan pilih **Pergi ke**.

## Mencetak foto

Anda boleh mencetak foto menggunakan kabel USB yang bersambung kepada pencetak yang serasi dengan PictBridge™.

- 💡 Anda boleh juga mencetak menggunakan pencetak yang serasi dengan Bluetooth yang menyokong Profil Tolak Objek.

### Untuk mencetak foto menggunakan kabel USB

- 1 Pilih **Menu** > **Penyusun** > **Pengurus fail** > **Album kamera** > **Buka**.
- 2 Pilih **Pilihan** > **Tandakan** > **Tandakn bberapa** atau **Tandakan semua**.
- 3 Pilih **Pilihan** > **Cetak** dan ikuti arahan.
- 4 Sambung kabel USB ke telefon.
- 5 Sambung kabel USB ke pencetak.
- 6 Tunggu untuk maklum balas pada telefon.
- 7 Tetapkan tetapan pencetak jika diperlukan dan pilih **Cetak**.

- 💡 Putuskan sambungan dan sambungkan semula kabel USB jika terdapat ralat pencetak.

# Muzik

Anda boleh mendengar muzik, buku audio dan podcast. Gunakan aplikasi Media Go™ untuk memindahkan kandungan ke dan dari telefon anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat *Memindahkan kandungan ke dan dari komputer* pada halaman 33.

## Bebas tangan mudah alih stereo



### Untuk menggunakan bebas tangan

- Sambung bebas tangan mudah alih. Muzik berhenti apabila anda menerima panggilan dan bersambung apabila panggilan tamat.
- ! Jika fon kepada tidak disertakan dengan telefon, anda boleh membelinya secara berasingan.

## Pemain muzik

### Untuk memainkan muzik

- 1 Pilih **Menu** > **Media** > **Muzik**.
- 2 Semak imbas melalui kategori menggunakan kekunci navigasi.
- 3 Tatal ke tajuk dan pilih **Main**.

### Untuk berhenti memainkan muzik

- Tekan kekunci pemilihan tengah.

### Untuk mengalih cepat dan putar balik

- Tekan dan tahan  atau .

### Untuk mengalih antara trek

- Tekan  atau .

### Untuk mengubah kelantangan

- Tekan kekunci kelantangan ke atas atau ke bawah.

### Untuk meminimumkan pemain

- Pilih **Pilihan** > **Minimumkan**.

### Untuk kembali ke pemain

- Pilih **Menu** > **Media**.

## Senarai main

Anda boleh membuat senarai main untuk menyusun muzik anda. Anda boleh menambah trek dan folder pada senarai main. Ia mungkin mengambil masa beberapa minit untuk telefon membuat senarai main.

### Untuk membuat senarai main

- 1 Pilih **Menu > Media > Muzik > Senarai main**.
- 2 Tatal ke **Senarai main baru** dan pilih **Tambah**.
- 3 Masukkan nama dan pilih **OK**.
- 4 Untuk setiap trek yang anda mahu tambah, tatal ke trek dan pilih **Tandkn**.
- 5 Pilih **Tambah** untuk menambah trek yang ditanda ke senarai main.

## Buku audio

Jika anda menggunakan Media Go™ untuk memindahkan buku audio ke telefon anda daripada komputer, anda boleh mendengar kepada buku audio tersebut dalam telefon anda. Ia mungkin mengambil masa beberapa minit untuk buku audio yang dipindahkan untuk dipaparkan dalam senarai buku audio yang tersedia.

### Untuk mengakses buku audio

- Pilih **Menu > Media > Muzik > Buku audio**.
- 💡 Anda boleh menemui buku audio dalam format selain daripada M4B dan yang tidak mempunyai teg bab ID3v2 dalam folder **Runut**.

## Beli Sekarang

Jika anda melanggan kepada perkhidmatan muzik yang membenarkan penggunaan terhad tidak tetap dengan telefon anda, anda boleh menandakan trek yang anda minati untuk dibeli kemudiannya. Kali seterusnya anda menyegerakkan muzik anda dengan Windows Media® Player pada komputer yang diupayakan akses Internet, anda seharusnya akan ditanya sama ada anda mahu membeli trek yang anda tandakan sebelumnya. Jika anda menerima, trek akan dimuat turun ke komputer anda dan akaun perkhidmatan muzik yang dipilih anda akan dicaj. Ini memerlukan langganan dan akaun dengan perkhidmatan muzik yang boleh dimuat turun, komputer dengan Microsoft® Windows Media® Player 11 atau versi Windows Media® Player seterusnya yang serasi, dan sambungan USB komputer.

- ! Anda tidak boleh melihat bahawa trek ditanda. Anda tidak boleh menyahtanda trek yang sudah ditanda.

### Untuk menandakan trek

- Apabila trek yang anda ingin tanda sedang dimainkan, tekan dan tahan ke bawah .

## PlayNow™

Apabila anda memilih **PlayNow™** anda masuk ke arena PlayNow™, di mana anda boleh memuat turun muzik, permainan, nada dering, tema dan hias latar. Anda boleh pratonton atau mendengar kandungan sebelum anda membeli dan memuat turunnya ke telefon anda. Jika anda tidak boleh menggunakan PlayNow™ dan arena PlayNow™, lihat *Saya tidak boleh menggunakan perkhidmatan berasaskan Internet* pada halaman 54.

- ! Khidmat ini tidak tersedia di semua negara.

Untuk kefungsi lanjutan, anda boleh juga mengakses kedai Web arena PlayNow™ pada komputer dari [www.playnow-arena.com](http://www.playnow-arena.com). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support) untuk membaca Panduan ciri arena PlayNow™.

### Untuk menggunakan PlayNow™

- 1 Pilih **Menu > PlayNow™**.
- 2 Tatal melalui arena PlayNow™ dan ikuti arahan untuk pratonton dan membeli kandungan.

## TrackID™

TrackID™ adalah perkhidmatan pengecekan muzik. Anda boleh mencari tajuk, artis dan nama album untuk trek yang anda dengar bermain menerusi pembesar suara atau radio di telefon anda. Jika anda tidak boleh menggunakan TrackID™, lihat *Saya tidak boleh menggunakan perkhidmatan berasaskan Internet* pada halaman 54.

### Untuk mencari maklumat trek

- Apabila anda mendengar trek dari pembesar suara, pilih **Menu > Hiburan > TrackID™ > Mula**.
  - Apabila radio di dalam telefon anda sedang dimainkan pilih **Pilihan > TrackID™**.
- 💡 Untuk hasil terbaik, gunakan TrackID™ di kawasan yang senyap.

## Muzik dan klip video dalam talian

Anda boleh menonton klip video dan mendengar muzik dengan menstrimnya ke telefon anda daripada Internet. Jika anda tidak boleh menggunakan Internet, lihat *Saya tidak boleh menggunakan perkhidmatan berasaskan Internet* pada halaman 54.

### Untuk memilih akaun data untuk penstriman

- 1 Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Tetapan streaming > Sambung dengan:**.
- 2 Pilih akaun data untuk digunakan.
- 3 Pilih **Simpan**.

### Untuk menstrim muzik dan klip video

- 1 Pilih **Menu > Internet**.
- 2 Pilih **Pilihan > Pergi ke > Penanda buku**.
- 3 Pilih pautan untuk distrim darinya.

## Pemain video

### Untuk main video

- 1 Pilih **Menu > Media > Video > Video**.
- 2 Tatal ke tajuk dan pilih **Main**.

### Untuk berhenti memainkan video

- Tekan kekunci pemilihan tengah.

### Untuk mengalih cepat dan putar balik

- Tekan dan tahan  atau .

### Untuk mengalih antara video

- Tekan  atau .

### Untuk mengubah kelantangan

- Tekan kekunci kelantangan ke atas atau ke bawah.

### Untuk menukar saiz skrin video

- 1 Pilih **Pilihan > Saiz video**.
- 2 Pilih pilihan.

### Untuk menyimpan gambar dari klip video

- 1 Untuk menjedakan klip video, tekan kunci pemilihan di tengah.
- 2 Untuk menyimpan imej jeda sebagai gambar, pilih **Pilihan > Simpan gambar**.

## Radio

- ! Jangan gunakan telefon anda sebagai radio di kawasan di mana ini dilarang.

### Untuk menghidupkan radio

- 1 Sambung bebas tangan ke telefon.
- 2 Pilih **Menu > Hiburan > Radio**.

### Untuk mencari saluran secara automatik

- Pilih **Cari**.

### Untuk mencari saluran secara manual

- Tekan  atau .

### Untuk mengubah kelantangan

- Tekan kekunci kelantangan ke atas atau ke bawah.

### Untuk meminimumkan radio

- Pilih **Pilihan > Minimumkan**.

### Untuk kembali ke radio

- Pilih **Menu > Hiburan > Radio**.

## Menyimpan saluran

Anda boleh menyimpan sehingga 20 saluran praset.

### Untuk menyimpan saluran secara automatik

- Pilih **Pilihan > Simpan auto**.

### Untuk menyimpan saluran secara manual

- 1 Apabila anda telah menjumpai saluran radio, pilih **Pilihan > Simpan**.
- 2 Tatal ke kedudukan dan pilih **Sisipkan**.

### Untuk memilih saluran yang disimpan

- 1 Pilih **Pilihan > Saluran**.
- 2 Pilih saluran radio.





### Untuk bertukar antara saluran yang disimpan

- Tekan  atau .

## MusicDJ™

Anda boleh mengubah dan menyunting melodi anda sendiri untuk digunakan sebagai nada dering. Bunyi yang diatur sebelumnya dengan ciri yang berbeza tersedia.

### Untuk menggubah melodi

- 1 Pilih **Menu > Hiburan > MusicDJ™**.
- 2 Pilih untuk **Sisipkan**, **Salin** atau **Lekatkn** bunyi.
- 3 Guna , ,  atau  untuk menatal antara bunyi.
- 4 Pilih **Pilihan > Simpan melodi**.

## Rakam bunyi

Anda boleh merakam memo suara atau panggilan. Bunyi dirakam boleh juga ditetapkan sebagai nada dering.

- ! Ia diperlukan oleh undang-undang dalam sesetengah negara atau negeri untuk anda memaklumkan orang yang berbual dengan anda sebelum merakam panggilan.

### Untuk merakam bunyi

- Pilih **Menu** > **Hiburan** > **Rakam bunyi** > **Rakam**.

### Untuk merakam panggilan

- 1 Semasa panggilan sedang berjalan, pilih **Pilihan** > **Rakam**.
- 2 Untuk menyimpan rakaman, pilih **Simpan**.

### Untuk mendengar rakaman

- 1 Pilih **Menu** > **Penyusun** > **Pengurus fail**.
- 2 Tatal ke **Muzik** dan pilih **Buka**.
- 3 Tatal ke rakaman dan pilih **Main**.

# Memindahkan dan mengendalikan kandungan

Anda boleh memindahkan dan mengendalikan kandungan seperti gambar dan muzik.

- ! Anda tidak dibenarkan untuk menukar beberapa bahan dilindungi hak cipta.  mengenal pasti item yang dilindungi.

## Mengendalikan kandungan dalam telefon

Anda boleh menggunakan **Pengurus fail** untuk mengendalikan kandungan yang disimpan dalam ingatan telefon atau pada kad ingatan. Tab dan ikon dalam **Pengurus fail** menunjukkan di mana kandungan disimpan. Jika ingatan adalah penuh, padam beberapa kandungan untuk mencipta ruang.

### Untuk melihat status ingatan

- 1 Pilih **Menu** > **Penyusun** > **Pengurus fail**.
- 2 Pilih **Pilihan** > **Status ingatan**.
- 3 Pilih **Kad ingatan** atau **Telefon**.

### Untuk memilih lebih dari satu item di dalam folder

- 1 Pilih **Menu** > **Penyusun** > **Pengurus fail**.
- 2 Tatal ke folder dan pilih **Buka**.
- 3 Pilih **Pilihan** > **Tandakan** > **Tandakn bberapa**.
- 4 Untuk setiap item yang anda ingin tandakan, tatal ke item dan pilih **Tandakan**.

### Untuk mengalih item antara ingatan telefon dan kad ingatan

- 1 Pilih **Menu** > **Penyusun** > **Pengurus fail**.
- 2 Tatal ke janji temu dan pilih **Pilihan** > **Uruskan fail** > **Pindah**.
- 3 Pilih **Kad ingatan** atau **Telefon**.
- 4 Tatal ke folder dan pilih **Buka**.
- 5 Pilih **Lekatkn**.

### Untuk melihat maklumat tentang kandungan

- 1 Pilih **Menu** > **Penyusun** > **Pengurus fail**.
- 2 Cari item dan pilih **Pilihan** > **Maklumat**.

## Menghantar kandungan ke telefon lain

Anda boleh menghantar kandungan, sebagai contoh, dalam mesej atau menggunakan teknologi wayarles Bluetooth™.

### Untuk menghantar kandungan

- 1 Tatal ke item dan pilih **Pilihan** > **Hantar**.
  - 2 Pilih kaedah pemindahan.
- ! Pastikan peranti penerima menyokong kaedah pemindahan yang anda pilih.

## Menggunakan kabel USB

Anda boleh menyambungkan telefon anda kepada komputer dengan kabel USB. Jika anda menggunakan PC, anda diminta untuk memasang PC Companion pada kali pertama anda bersambung.

- ! Anda mungkin perlu membeli kabel USB secara berasingan. Hanya gunakan kabel USB yang disokong oleh telefon anda.



## PC Companion

PC Companion membolehkan anda:

- Jelajah kandungan dalam telefon.
  - Gunakan telefon anda sebagai modem.
  - Pasang PC Software yang digunakan untuk menyelaraskan, memindahkan dan menyandarkan kandungan telefon.
- 💡 Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support) untuk membaca panduan Ciri.

### Untuk memasang PC Companion

- 1 Sambung telefon anda kepada PC dengan kabel USB yang disokong oleh telefon anda.
- 2 **Komputer:** Ikut arahan.

### Untuk memutuskan kabel USB dengan selamat

- 💡 Jangan putus kabel USB semasa memindahkan kandungan kerana ini mungkin merosakkan kandungan.
- 1 **Komputer:** Klik kanan ikon Safely Remove Hardware dalam *Windows Explorer*.
  - 2 Pilih pemacu yang anda mahu memutuskan sambungan. Pilih *Henti*.
  - 3 Tunggu untuk Windows memberitahu anda bahawa ia selamat untuk menanggalkan pemacu. Nyahsambungkan kabel USB

## Sistem pengendalian yang diperlukan

Anda memerlukan salah satu daripada sistem pengendalian berikut untuk menggunakan perisian PC Sony Ericsson:

- Microsoft® Windows Vista™
- Microsoft® Windows XP, Service Pack 2 atau lebih tinggi

## Seret dan lepas kandungan

Anda boleh seret dan lepas kandungan antara telefon anda, kad ingatan dan komputer dalam *Microsoft Windows Explorer*.

### Untuk menyeret dan melepaskan kandungan

- 1 Sambung telefon anda ke komputer menggunakan kabel USB.
- 2 **Komputer:** Tunggu sehingga ingatan telefon anda dan kad ingatan dipapar sebagai cakera luar dalam *Windows Explorer*.
- 3 Seret dan lepaskan fail yang dipilih di antara telefon dan komputer.

## Memindahkan kandungan ke dan dari komputer

Anda boleh menggunakan Media Go™ untuk memindahkan kandungan media di antara telefon anda dan komputer.

- 💡 Perisian Media Go™ tersedia untuk dimuat turun menerusi PC Companion atau dari [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support).

### Untuk memindah kandungan menggunakan Media Go™

- 1 Sambung telefon ke komputer dengan kabel USB yang disokong oleh telefon anda.
- 2 **Komputer:** Pilih *Mula/Program/Sony/Media Go™*.
- 3 Pilih *Pindah ke atau dari Peranti menggunakan Media Go™* dan klik *OK*.
- 4 Tunggu hingga telefon dipaparkan dalam Media Go™.
- 5 Gerakkan fail di antara telefon anda dan komputer dalam Media Go™.

## Nama telefon

Anda boleh memasukkan nama untuk telefon anda yang ditunjukkan kepada peranti lain semasa menggunakan, sebagai contoh, teknologi wayarles Bluetooth™.

### Untuk memasukkan nama telefon

- 1 Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Nama telefon**.
- 2 Masukkan nama telefon dan pilih **OK**.

## Menggunakan teknologi wayarles Bluetooth™

Fungsi Bluetooth™ adalah percuma dan membolehkan sambungan wayarles ke peranti Bluetooth lain. Anda boleh, sebagai contoh:

- Bersambung kepada peranti bebas tangan.
  - Bersambung kepada beberapa peranti pada satu masa.
  - Sambung ke komputer dan akses Internet.
  - Bertukar item.
  - main permainan pemain berbilang.
- ! Jarak antara 10 meter (30 kaki), dengan tidak ada objek padu antaranya, adalah disyorkan untuk komunikasi Bluetooth.

### Sebelum menggunakan teknologi wayarles Bluetooth

Anda mesti hidupkan fungsi Bluetooth untuk berhubung dengan peranti lain. Anda mungkin juga perlu memasang telefon anda dengan peranti Bluetooth lain.

#### Untuk menghidupkan fungsi Bluetooth

- Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Bluetooth** > **Hidupkan**.
- ! Pastikan peranti anda mahu pasang dengan telefon anda mempunyai fungsi Bluetooth diaktifkan dan kebolehlihatan Bluetooth dihidupkan.

#### Untuk pasang telefon dengan peranti

- 1 Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Bluetooth** > **Peranti saya**.
- 2 Tatal ke **Peranti baru** dan pilih **Tambah** untuk mencari peranti tersedia.
- 3 Pilih peranti.
- 4 Masukkan kod laluan, jika diperlukan.

#### Untuk membenarkan sambungan ke telefon

- 1 Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Bluetooth** > **Peranti saya**.
  - 2 Pilih peranti dari senarai.
  - 3 Pilih **Pilihan** > **Benrkn sambungn**.
  - 4 Pilih **Sentiasa tanya** atau **Sentiasa benarkan**.
- ! Ini hanya boleh dengan peranti yang memerlukan akses ke perkhidmatan yang selamat.

#### Untuk memasang telefon dengan bebas tangan Bluetooth untuk kali pertama

- 1 Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Bluetooth** > **Bebas tangan**.
- 2 Pilih peranti.
- 3 Masukkan kod laluan, jika diperlukan.

## Penjimatan kuasa

Anda boleh menjimatkan kuasa bateri dengan fungsi Penjimatan kuasa. Dalam mod Penjimatan kuasa anda hanya boleh bersambung dengan satu peranti Bluetooth. Jika anda mahu bersambung dengan lebih daripada satu peranti Bluetooth pada masa yang sama anda mesti mematikan fungsi ini.

#### Untuk menghidupkan penjimat kuasa

- Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Bluetooth** > **Jimat kuasa** > **Hidupkan**.

## Memindahkan bunyi ke dan dari bebas tangan Bluetooth

Anda boleh memindahkan bunyi ke dan dari bebas tangan Bluetooth menggunakan kekunci telefon atau kekunci bebas tangan.

### Untuk memindahkan bunyi

- 1 Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > Bebas tangan > Panggilan masuk**.
  - 2 Pilih pilihan. **Dalam telefon** pindahkan bunyi ke telefon. **Dlm bebas tangan** pindahkan bunyi ke bebas tangan.
- ! Anda perlu menjawab panggilan dengan kekunci telefon untuk tetapan ini digunakan.

### Untuk memindahkan bunyi semasa panggilan

- 1 Semasa panggilan, pilih **Bunyi**.
- 2 Pilih dari senarai.

## Membuat sandaran dan memulihkan

Anda boleh membuat sandaran dan memulihkan kenalan, kalendar, tugas, nota dan penanda buku menggunakan *Sony Ericsson PC Suite*.

Sebelum membuat sandaran dan memulihkan, anda perlu memasang *Sony Ericsson PC Suite* yang tersedia menerusi PC Companion atau dari [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support).

Anda boleh membuat sandaran dan memulihkan kenalan dalam telefon anda menggunakan kad ingatan. Anda boleh memindahkan kandungan di antara kad ingatan dan ingatan telefon. Lihat *Mengendalikan kandungan dalam telefon* pada halaman 32.

- 💡 Sandarkan kandungan telefon anda selalu dan pastikan anda tidak hilangkannya.

### Untuk membuat sandaran menggunakan Sony Ericsson PC Suite

- 1 **Komputer:** Mulakan *Sony Ericsson PC Suite* dari *Mula/Program/Sony Ericsson/Sony Ericsson PC Suite*.
- 2 Ikuti arahan di dalam *Sony Ericsson PC Suite* tentang bagaimana untuk menyambung.
- 3 Pergi ke seksyen sandaran dan memulihkan di dalam *Sony Ericsson PC Suite* dan buat sandaran kandungan telefon anda.

### Untuk memulihkan kandungan telefon menggunakan Sony Ericsson PC Suite

- ! *Sony Ericsson PC Suite* akan menulis ganti semua kandungan telefon semasa proses pemulihan. Anda boleh merosakkan telefon anda jika anda mengganggu proses itu.
- 1 **Komputer:** Mulakan *Sony Ericsson PC Suite* dari *Mula/Program/Sony Ericsson/Sony Ericsson PC Suite*.
  - 2 Ikuti arahan di dalam *Sony Ericsson PC Suite* tentang bagaimana untuk menyambung.
  - 3 Pergi ke seksyen sandaran dan memulihkan di dalam *Sony Ericsson PC Suite* dan pulihkan kandungan telefon anda.

# Pemesejan

## Teks dan mesej bergambar

Mesej teks boleh mengandungi teks, gambar, kesan bunyi, animasi, dan melodi. Anda boleh juga mencipta dan mengguna templat untuk mesej anda.



Apabila menghantar mesej, telefon secara automatik memilih kaedah yang paling sesuai (sebagai mesej teks atau mesej bergambar) untuk menghantar mesej.

Jika anda tidak boleh menggunakan mesej bergambar, lihat *Saya tidak boleh menggunakan perkhidmatan berasaskan Internet* pada halaman 54.

## Menghantar mesej

Anda boleh menghantar mesej daripada telefon anda. Saiz maksimum mesej teks standard adalah 160 aksara termasuk ruang jika tiada item lain ditambah ke mesej. Jika anda masukkan lebih daripada 160 aksara, mesej kedua akan diwujudkan. Mesej anda dihantar sebagai satu mesej terangkai.



### Untuk mencipta dan mengirim mesej

- 1 Pilih **Menu > Permesejan > Tulis baru > Mesej**.
  - 2 Masukkan teks. Untuk menambah item ke mesej, tekan , tatal  dan pilih item.
  - 3 Pilih **Teruskan > Carian Kenalan**.
  - 4 Pilih penerima dan pilih **Hantar**.
- ! Jika anda mengirim mesej ke kumpulan, anda mungkin akan dikenakan bayaran untuk setiap ahli. Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran.

### Untuk menyalin dan menampal teks dalam mesej

- 1 Semasa anda menulis mesej, pilih **Pilihan > Salin & tampal**.
- 2 Pilih **Salin semua** atau **Tandakan & salin**. Tatal ke dan tanda teks dalam mesej.
- 3 Pilih **Pilihan > Salin & tampal > Lekatkn**.

## Menerima dan menyimpan mesej

Anda akan diberitahu apabila anda menerima mesej.  atau  dipaparkan. Mesej disimpan secara automatik dalam ingatan telefon. Apabila ingatan penuh, anda boleh memadam mesej atau menyimpannya pada kad ingatan atau pada kad SIM.

### Untuk mesej masuk pada kad ingatan

- Pilih **Menu > Permesejan > Mesej > Tetapan > Simpan ke > Kad ingatan**.

### Untuk menyimpan mesej pada kad SIM

- 1 Pilih **Menu > Permesejan > Mesej** dan pilih folder.
- 2 Tatal ke mesej dan pilih **Pilihan > Simpan mesej**.

### Untuk melihat mesej dari peti masuk

- 1 Pilih **Menu > Permesejan > Mesej > Peti masuk**.
- 2 Tatal ke mesej dan pilih **Lihat**.

### Untuk memanggil nombor dalam mesej

- Apabila anda melihat mesej, tatal ke nombor telefon dan tekan .

## Pilihan mesej

Anda boleh menetapkan sesetengah pilihan, seperti Isyarat mesej dan lokasi simpanan lalai, boleh digunakan untuk semua mesej. Anda boleh menetapkan pilihan lain, seperti Keutamaan penghantaran dan masa penghantaran, untuk setiap mesej yang anda hantar.

### Untuk menetapkan pilihan untuk semua mesej

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **Mesej** > **Tetapan**.
- 2 Pilih pilihan.

### Untuk menetapkan pilihan untuk mesej khusus

- 1 Apabila mesej bersedia dan penerima dipilih, pilih **Pilihan** > **Lanjut**.
- 2 Tatal ke pilihan dan pilih **Sunting**.

## Perbualan

Anda boleh memilih sama ada untuk melihat mesej anda dalam **Perbualan** atau **Peti masuk**. Perbualan pemesejan menunjukkan semua komunikasi pemesejan antara anda dan salah seorang daripada kenalan anda.

### Untuk melihat mesej dalam Perbualan

- Pilih **Menu** > **Permesejan** > **Peti masuk** > tab **Perbualan**.
- Pilih **Menu** > **Permesejan** > **Perbualan** dan pilih perbualan.

### Untuk menghantar mesej dari Perbualan

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan**.
- 2 Pilih **Perbualan**, atau pilih **Peti masuk** > tab **Perbualan**.
- 3 Pilih perbualan.
- 4 Tulis mesej dan pilih **Hantar**.

## Mesej suara

Anda boleh mengirim dan menerima rakaman bunyi sebagai mesej suara.

- ! Pengirim dan penerima mesti mempunyai langganan menyokong permesejan bergambar.

### Untuk merakam dan mengirim mesej bersuara

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **Tulis baru** > **Mesej suara**.
- 2 Rakam mesej dan pilih **Berhenti** > **Hantar** > **Carian Kenalan**.
- 3 Pilih penerima dan pilih **Hantar**.

## E-mel

Anda boleh gunakan fungsi e-mel standard dan alamat e-mel komputer anda pada telefon anda.

- 💡 Anda boleh menyelaras e-mel anda menggunakan aplikasi Microsoft® Exchange ActiveSync®.

## Sebelum menggunakan e-mel

Anda boleh menggunakan persediaan Asas untuk memeriksa jika tetapan tersedia untuk akaun e-mel anda atau anda boleh memasukkannya secara manual. Anda boleh juga menerima tetapan di [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support).

### Untuk mencipta akaun e-mel untuk kali pertama

- 1 Untuk memulakan persediaan asas, pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel**.
  - 2 Ikut arahan untuk mencipta akaun.
- 💡 Jika anda memasukkan tetapan anda secara manual, anda boleh menghubungi pembekal e-mel anda untuk maklumat lanjut. Pembekal e-mel boleh jadi syarikat yang membekalkan alamat e-mel anda.

### Untuk menulis dan mengirim mesej e-mel

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Tulis baru**.
- 2 Pilih **Tambah** > **Masukkn almt e-mel**. Masukkan alamat e-mel dan pilih **OK**.
- 3 Untuk menambah lebih ramai penerima, tatal ke **Kepada:** dan pilih **Sunting**.
- 4 Tatal ke pilihan dan pilih **Tambah** > **Masukkn almt e-mel**. Masukkan alamat e-mel dan pilih **OK**. Apabila anda bersedia, pilih **Siap**.
- 5 Pilih **Sunting** dan masukkan subjek. Pilih **OK**.
- 6 Pilih **Sunting** dan masukkan teks. Pilih **OK**.
- 7 Pilih **Tambah** dan pilih fail untuk dilampirkan.
- 8 Pilih **Teruskan** > **Hantar**.

### Untuk menerima dan membaca mesej e-mel

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Peti masuk** > **Pilihan** > **Semak e-mel baru**.
- 2 Tatal ke mesej dan pilih **Lihat**.

### Untuk menyimpan mesej e-mel

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Peti masuk**.
- 2 Tatal ke mesej dan pilih **Lihat** > **Pilihan** > **Simpan mesej**.

### Untuk menjawab mesej e-mel

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Peti masuk**.
- 2 Tatal ke mesej dan pilih **Pilihan** > **Balas**.
- 3 Tulis jawapan dan pilih **OK**.
- 4 Pilih **Teruskan** > **Hantar**.

### Untuk melihat lampiran dalam mesej e-mel

- Semasa anda melihat mesej, pilih **Pilihan** > **Lampiran** > **Gunakan** > **Lihat**.

## Akaun e-mel aktif

Jika anda mempunyai beberapa akaun e-mel, anda boleh menukar yang mana satu adalah aktif. Anda juga boleh memeriksa untuk mesej e-mel baru secara automatik dalam akaun aktif tersebut dengan menetapkan sela semak.

### Untuk mencipta akaun e-mel tambahan

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Akaun**.
- 2 Tatal ke **Akaun baru** dan pilih **Tambah**.

### Untuk menukar akaun e-mel aktif

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Akaun**.
- 2 Pilih akaun.

### Untuk menetapkan selang waktu untuk memeriksa mesej e-mel baru

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Uruskan akaun**.
- 2 Pilih akaun.
- 3 Pilih **Tetapan** > tab **Muat turun** > **Masa semak**.
- 4 Pilih pilihan.

## E-mel push

Anda boleh menerima pemberitahuan segera dalam telefon anda daripada pelayan e-mel anda apabila anda menerima mesej e-mel baru.

- 💡 Apabila menggunakan e-mel push, telefon kekal bersambung ke pelayan e-mel dan kadar trafik normal dikenakan. Hubungi pengendali rangkaian anda untuk butiran.

### Untuk menghidupkan e-mel push

- Pilih **Menu** > **Permesejan** > **E-mel** > **Tetapan** > **E-mel push**.

## Pemesejan segera

Anda boleh bersambung dan log masuk ke pelayan Pemesejan segera untuk berkomunikasi dalam talian menggunakan mesej chat. Jika anda tidak boleh menggunakan Pemesejan segera, lihat *Saya tidak boleh menggunakan perkhidmatan berasaskan Internet* pada halaman 54.

### Sebelum menggunakan Pemesejan Segera

Jika tidak ada tetapan wujud dalam telefon anda, anda perlu memasukkan tetapan pelayan. Pembekal khidmat anda boleh memberikan maklumat tetapan standard seperti:

- Nama pengguna
- Kata laluan
- Alamat pelayan
- Profil Internet

#### Untuk memasukkan tetapan pelayan Pemesejan segera

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > **Konfigur**.
- 2 Tatal ke tetapan dan pilih **Tambah**.

#### Untuk melog masuk ke pelayan Pemesejan segera

- Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > **Log masuk**.

#### Untuk melog keluar dari pelayan Pemesejan segera

- Pilih **Pilihan** > **Log keluar**.

#### Untuk menambah kenalan chat

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > tab **Kenalan**.
- 2 Pilih **Pilihan** > **Tambah kenalan**.

#### Untuk mengirimi mesej chat

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > tab **Kenalan**.
- 2 Tatal ke kenalan dan pilih **Chat**.
- 3 Tulis mesej dan pilih **Hantar**.

## Status

Anda boleh memaparkan status anda, sebagai contoh, **Riang** atau **Sibuk**, ke kenalan anda sahaja. Anda boleh juga menunjukkan status anda kepada semua pengguna pada pelayan Pemesejan segera.

#### Untuk melihat status saya

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM**.
- 2 Anda adalah kenalan pertama disenaraikan.

#### Untuk mengemas kini status anda

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > tab **Kenalan**.
- 2 Tatal ke nama anda dan pilih **Ubah**.
- 3 Sunting maklumat dan pilih **Simpan**.

## Kumpulan Chat

Kumpulan chat boleh dimulakan oleh pembekal khidmat anda, oleh pengguna individu Pemesejan Segera atau anda sendiri. Anda boleh menyimpan kumpulan chat dengan menyimpan jemputan chat atau dengan mencari kumpulan chat spesifik.

#### Untuk mencipta kumpulan chat

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > tab **Kumpulan chat**.
- 2 Pilih **Pilihan** > **TambahKumpChat** > **Kumpulan chat baru**.
- 3 Pilih siapa untuk dijemput dari senarai kenalan anda dan pilih **Teruskan**.
- 4 Masukkan teks pelawaan ringkas dan pilih **Teruskan** > **Hantar**.

### Untuk menambah kumpulan chat

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > tab **Kumpulan chat** > **Pilihan** > **TmbhKumpChat**.
- 2 Pilih pilihan.

! Sejarah perbualan disimpan antara log keluar dan semasa anda log masuk untuk membolehkan anda kembali ke mesej chat daripada perbualan sebelum ini.

### Untuk menyimpan perbualan

- 1 Pilih **Menu** > **Permesejan** > **IM** > tab **Perbualan**.
- 2 Masukkan perbualan.
- 3 Pilih **Pilihan** > **Lanjut** > **Simpan perbualan**.



# Internet

Jika anda tidak boleh menggunakan Internet, lihat *Saya tidak boleh menggunakan perkhidmatan berasaskan Internet* pada halaman 54.

## Untuk mula menyemak imbas

- 1 Pilih **Cari**.
- 2 Masukkan alamat Web, frasa carian atau nama penanda buku.
- 3 Tatal ke item di dalam senarai dan pilih **Pergi ke** dan **Cari**.

## Untuk keluar dari penyemak imbas

- Pilih **Pilihan** > **Keluar dari p/imbas**.

## Penanda buku

Anda boleh mencipta dan menyunting penanda buku sebagai pautan pantas ke laman Web kegemaran anda.

### Untuk mencipta penanda buku

- 1 Apabila anda menyemak imbas di Internet, pilih **Pilihan** > **Alat** > **Tambah penanda buku**.
- 2 Masukkan tajuk dan alamat. Pilih **Simpan**.

### Untuk memilih penanda buku

- 1 Pilih **Menu** > **Internet**.
- 2 Pilih **Pilihan** > **Pergi ke** > **Penanda buku**.
- 3 Tatal ke penanda buku dan pilih **Pergi ke**.

## Halaman sejarah



Anda boleh melihat halaman Web yang telah anda semak imbas.

### Untuk melihat laman sejarah

- Pilih **Menu** > **Internet** > **Pilihan** > **Pergi ke** > **Sejarah**.

## Lagi ciri penyemak imbas

### Untuk menggunakan pan dan zum di laman Web

- 1 Apabila anda menyemak imbas di Internet, tekan .
  - 2 Gunakan kekunci navigasi untuk menggerakkan bingkai.
  - 3 Tekan **Zum**.
  - 4 Untuk bertukar kembali ke pan, tekan .
- ! Untuk menggunakan pan dan zum, **Smart-Fit** mesti dimatikan.

### Untuk menghidupkan atau mematikan Smart-Fit Rendering™

- 1 Pilih **Menu** > **Internet** > **Pilihan** > **Lanjut** > **Smart-Fit**.
- 2 Pilih pilihan.

### Untuk membuat panggilan ketika anda menyemak imbas

- Tekan .

### Untuk menyimpan gambar dari laman Web

- 1 Apabila anda menyemak imbas di Internet, pilih **Pilihan** > **Alat** > **Simpan gambar**.
- 2 Pilih gambar.

### Untuk mencari teks di laman Web

- 1 Pilih **Pilihan > Alat > Cari** pada halaman.
- 2 Masukkan teks dan pilih **Cari**.

### Untuk mengirim pautan

- 1 Apabila anda menyemak imbas di Internet, pilih **Pilihan > Alat > Hantar pautan**.
- 2 Pilih kaedah pemindahan.

! Pastikan peranti penerima menyokong kaedah pemindahan yang anda pilih.

## Jalan pintas pad kekunci Internet

Anda boleh menggunakan pad kekunci untuk pergi terus ke fungsi penyemak imbas.

Kekunci	Jalan pintas
<b>1</b>	<b>Penanda buku</b>
<b>2</b> - <b>9</b>	Masukkan teks untuk <b>Masukkan alamat, Cari Internet</b> atau cari dalam <b>Penanda buku</b>
<b>0 +</b>	<b>Zum</b>
<b># - *</b>	<b>Kisar &amp; Zum</b> (apabila <b>Smart-Fit</b> dimatikan)

### Untuk memilih jalan pintas pad kekunci Internet

- 1 Pilih **Menu > Internet**.
- 2 Pilih **Pilihan > Lanjut > Mod pad kekunci > Jalan pintas**.

## Keselamatan dan sijil Internet

Telefon anda menyokong menyemak imbas selamat. Khidmat Internet tertentu, seperti perbankan, memerlukan sijil dalam telefon anda. Telefon anda mungkin sudah mengandungi sijil apabila anda belinya atau anda boleh muat turun sijil baru.


### Untuk melihat sijil dalam telefon

- Pilih **Menu > Tetapan > Umum > Keselamatan > Sijil**.

## Suapan Web

Anda boleh melanggan dan memuat turun kandungan yang kerap dikemas kini, seperti berita, podcast atau foto, menggunakan suapan Web.





### Untuk menambah suapan baru untuk laman Web

- 1 Apabila anda menyemak imbas halaman di Internet yang mempunyai suapan Web, yang ditunjukkan oleh , pilih **Pilihan > Suapan Web**.
- 2 Untuk setiap suapan yang anda mahu tambah, tatal ke suapan dan pilih **Tandakan**.
- 3 Pilih **Teruskan**.

### Untuk mencari suapan Web


- 1 Pilih **Menu > Media > Suapan Web**.
- 2 Pilih **Suapan baru** dan alamat Web.

### Untuk memuat turun kandungan melalui suapan Web

- 1 Pilih **Menu > Media > Suapan Web**.
- 2 Tatal ke suapan dikemas kini dan pilih **Lihat** or ►.
- 3 Pilih pengatas untuk diluaskan.
- 4 Pilih ikon bergantung pada kandungan,  untuk membuka laman Web,  untuk memuat turun podcast audio,  untuk memuat turun podcast video atau  untuk memuat turun foto.

💡 Anda juga boleh melanggan kepada dan memuat turun kandungan ke komputer melalui suapan menggunakan Media Go™. Anda kemudian boleh memindahkan kandungan ke telefon anda.

### Mengemas kini suapan Web

Anda boleh mengemas kini suapan anda secara manual, atau menjadualkan kemas kini. Apabila terdapat kemas kini,  dipaparkan pada skrin.

### Untuk menjadualkan kemas kini suapan Web

- 1 Pilih **Menu > Media > Suapan Web**.
- 2 Tatal ke suapan dan pilih **Pilihan > Kemas kini jadual**.
- 3 Pilih pilihan.

! Kemas kini kerap mungkin mahal.



### Suapan Web dalam bersedia

Anda boleh memaparkan kemas kini berita pada skrin bersedia.

### Untuk memaparkan suapan Web dalam bersedia

- 1 Pilih **Menu > Media > Suapan Web**.
- 2 Tatal ke suapan dan pilih **Pilihan > Tetapan > Ticker bersedia > Papar dlm brsedia**.

### Untuk mengakses suapan Web dari bersedia

- 1 Pilih **Ticker**.
- 2 Untuk membaca lebih lanjut mengenai suapan, tekan  atau  untuk menatal ke tajuk berita dan pilih **Pergi ke**.

### Podcast

Podcast adalah fail, sebagai contoh, program radio atau kandungan video, yang anda boleh memuat turun dan main. Anda melanggan dan memuat turun podcast menggunakan suapan Web.

### Untuk mengakses podcast audio

- Pilih **Menu > Media > Muzik > Podcast**.

### Untuk mengakses podcast video

- Pilih **Menu > Media > Video > Podcast**.

### Suapan foto

Anda boleh melanggan kepada Suapan foto dan memuat turun foto. Untuk mula menggunakan Suapan foto, lihat *Suapan Web* pada halaman 42.

### Untuk mengakses suapan foto

- Pilih **Menu > Media > Foto > Suapan foto**.

## YouTube™

Anda boleh menonton klip video di telefon anda dengan menggunakan aplikasi YouTube™. Anda boleh mencari klip video atau memuat naik video anda sendiri.

### Untuk mengakses YouTube

- Pilih **Menu > Media > Video > YouTube**.
- 💡 Untuk memuat naik video ke YouTube, anda perlu mengakses YouTube dan ikut arahan dalam aplikasi.

# Penyelarasan

Anda boleh menyelaras dalam dua cara yang berbeza. Anda boleh menyelaras telefon anda menggunakan program komputer atau anda boleh menyelaras menggunakan perkhidmatan Internet.

- 💡 Gunakan hanya satu kaedah penyelarasan pada satu masa dengan telefon anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support) untuk membaca Panduan ciri *Penyelarasan*.

## Menyelaras menggunakan komputer

Anda boleh menggunakan kabel USB atau teknologi wayarles Bluetooth untuk menyelaras kenalan telefon, janji temu, penanda buku, tugas dan nota dengan program komputer seperti Microsoft® Outlook®.

Sebelum menyelaras, anda perlu memasang *Sony Ericsson PC Suite*.

- 💡 Perisian *Sony Ericsson PC Suite* tersedia untuk dimuat turun menerusi PC Companion atau dari [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support).

Lihat *Sistem pengendalian yang diperlukan* pada halaman 33.

### Untuk penyelarasan menggunakan Sony Ericsson PC Suite

- 1 **Komputer:** Mulakan *Sony Ericsson PC Suite* dari *Mula/Program/Sony Ericsson/Sony Ericsson PC Suite*.
- 2 Ikuti arahan di dalam *Sony Ericsson PC Suite* tentang bagaimana untuk menyambung.
- 3 Apabila anda diberitahu yang *Sony Ericsson PC Suite* telah menjumpai telefon anda, anda boleh memulakan penyelarasan.

- 💡 Untuk butiran penggunaan, lihat seksyen Bantuan *Sony Ericsson PC Suite* sebaik saja perisian telah dipasang pada komputer anda.

## Menyelaras menggunakan perkhidmatan Internet

Anda boleh menyelaras dengan perkhidmatan Internet menggunakan SyncML™ atau Microsoft® Exchange Server menggunakan Microsoft Exchange ActiveSync. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke [www.sonyericsson.com/support](http://www.sonyericsson.com/support) untuk membaca Panduan ciri *Penyelarasan*.

# Lagi ciri

## Mod penerbangan

Dalam **Mod penrbngn**, pemancar dan penerima rangkaian dan radio dimatikan untuk mencegah gangguan pada peralatan sensitif.

Apabila menu mod penerbangan diaktifkan anda diminta untuk memilih mod pada kali seterusnya anda menghidupkan telefon anda:

- **Mod biasa** – kefungsiian penuh
- **Mod penrbngn** – kefungsiian terhad

### Untuk mengaktifkan menu mod penerbangan

- Pilih **Menu > Tetapan > Umum > Mod penerbangan > Teruskan > PaparSwaktuMula**.

### Untuk memilih mod penerbangan

- 1 Apabila menu mod penerbangan diaktifkan, matikan telefon anda.
- 2 Hidupkan telefon anda dan pilih **Mod penrbngn**.  dipaparkan.

## Perkhidmatan Kemas kini

